



AZAHAR HASHIMI | BERITA HARIAN

PENDUDUK mengharungi banjir di Taman Sri Kulim, Alor Setar, kelmarin.

Penduduk panik rumah dinaiki air

KULIM: Persiapan sambutan Aidiladha penduduk kawasan Taman Sri Kulim dan sekitar kawasan Sungai Ular di sini, terbantut seketika apabila kawasan itu dilanda banjir kilat malam kelmarin.

Hujan lebat bermula kira-kira jam 2.30 petang menyebabkan paras air Sungai Tebuan yang terletak berhampiran naik melimpahi tebing hingga menyebabkan Taman Seri Kulim, dinaiki air sehingga 0.5 meter.

Penduduk panik kerana bimbangkan ia mungkin boleh menyebabkan banjir besar seperti yang melanda daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap dan Pokok Sena awal bulan ini.

Seorang penduduk Anis-rihan Ismail, 31, berkata hujan lebat berhenti kira-kira jam 4.30 petang dan kira-kira 10 minit selepas itu air mula naik ke kawasan perumahan berhampiran.

"Air bercampur selut mula membanjiri kawasan atas ja-

lan di taman ini dan tidak sampai 30 minit kemudian, keseluruhan kawasan taman ini di penuh air berselut.

"Walaupun banjir kilat kali ini tidak masuk ke dalam

FAKTA NOMBOR

**0.5
meter**

Air bercampur selut naik di perumahan Taman Seri Kulim

rumah, namun persiapan untuk sambutan hari raya haji terhenti seketika apabila penduduk terpaksa bertungkus lumus membersihkan kawasan rumah daripada kesan lumpur," katanya di sini.

Seorang lagi, penduduk Abdul Rahman Ahmad, 29, berkata kejadian banjir kilat sering berlaku dan meskipun kebanyakan penduduk sudah biasa dengan keadaan itu tetapi tetap bimbang ia mungkin menjadi banjir besar.